



QUICKTAKE

Perdebatan yang keempat di antara kedua-dua calon presiden Indonesia Joko "Jokowi" Widodo dan Prabowo Subianto telah dilangsungkan pada 30 Mac 2019. Apakah cadangan dasar kedua-dua calon dalam aspek ideologi, pentadbiran kerajaan, pertahanan dan hubungan antarabangsa? Adakah perdebatan ini memperkenalkan unsur baru yang dapat mengubah arah pemilihan presiden Indonesia dalam masa dua minggu yang akan datang?



Perdebatan Calon Presiden Indonesia Keempat Terbaik Sejauh Ini?

Perbualan Sebenar

Terdapat interaksi idea-idea yang dikemukakan oleh Jokowi dan Prabowo. Kedua-dua calon dilihat saling menyerang satu sama lain

Perbezaan yang Jelas

Pendekatan yang berlainan oleh kedua-dua calon dalam aspek tertentu membantu pengundi untuk membezakan Jokowi dan Prabowo

Nilai Hiburan

Ada saat-saat di mana interaksi di antara kedua-dua calon sangat menghiburkan

Petikan Menarik

"Rantai persahabatan saya dan Pak Prabowo, yakinlah tidak akan pernah terputus"

"DILAN"

*Digital Melayani

"Saya masih sangat percaya kepada TNI kita"



"Aduh, aduh, aduh Pak!"

"Pertahanan Indonesia rapuh kalian ketawa"

"Saya lebih TNI dari banyak TNI*"

*Tentara Nasional Indonesia

Aspirasi, Pandangan dan Retorik

Jokowi

- Pendidikan Pancasila* mesti diterapkan sejak usia muda
*Ideologi negara
- Selama 4.5 tahun ini Jokowi dituduh komunis



Prabowo

- Pendidikan Pancasila mesti diterapkan sejak usia muda
- Penyokong Jokowi ada yang menuduh Prabowo membela khalifah

- Penyelarasan agensi-agensi kerajaan sudah dilaksanakan dan akan diteruskan
- Perkhidmatan awam sudah berasaskan elektronik untuk meningkatkan kualiti pentadbiran



- Penggunaan sistem teknologi maklumat diperlukan untuk meningkatkan kualiti birokrasi
- Penggunaan teknologi baru tidak berguna jika budaya rasuah tidak diberhentikan dan kekayaan Indonesia mengalir ke luar

- Pembangunan infrastruktur dan kapasiti tentera sudah diterapkan untuk melindungi sempadan, ruangan udara dan laut
- Kekurangan peruntukan dapat ditutupi dengan pelaburan di bidang teknologi pertahanan
- Pak Prabowo tidak yakin terhadap kemampuan tentera Indonesia



- Tentera Indonesia lemah, jauh dari harapan dan dianggap remeh oleh negara-negara lain
- Peruntukan pertahanan harus ditingkatkan
- Pak Jokowi menerima intel dan nasihat yang salah daripada penasihat pertahanan

- Sebagai negara Islam terbesar, Indonesia dapat membantu untuk menyelesaikan konflik di negara lain
- Usaha diplomatik berguna untuk mempertahankan kepentingan negara, melindungi warganegara di luar negara dan menjalin perdagangan dan pelaburan



- Diplomasi mesti menjadi sebahagian daripada usaha untuk mempertahankan kepentingan negara
- Usaha diplomatik mesti disokong oleh kekuatan (tentera)
- Indonesia tidak dapat mempertahankan kepentingan negara kerana sistem pertahanan kita lemah

1 Prestasi dan langkah konkrit diutamakan

2 Pertahankan diri dan gunakan serangan balas

3 Penggunaan terma-terma spesifik untuk mengelirukan pihak lawan

Gaya Berdebat



1 Penekanan terhadap retorik nasionalis dan populis

2 Serangan yang bertubi-tubi dari awal hingga ke akhir debat

3 Mengkritik diplomat, wartawan, penonton dan penasihat Jokowi

Penilaian dan Analisis

Jokowi mempergunakan topik hubungan antarabangsa untuk menunjukkan keramahannya terhadap isu-isu yang berkaitan dengan dunia Islam

Jokowi tidak selalu dapat menjawab soalan-soalan secara langsung namun boleh bertahan sebahagian besar daripada serangan Prabowo

Jokowi berjaya menterjemahkan soalan-soalan ke dalam bahasa yang mudah difahami melalui butiran-butiran prestasi kerajaan

Pandangan Prabowo kepada hubungan antarabangsa lebih mengutamakan pendekatan pertahanan daripada cara diplomasi

Serangan tanpa henti daripada Prabowo selalunya ditepis namun kadang-kadang berjaya menjatuhkan lawan

Prabowo selalunya terbawa-bawa semangat diri sehingga terlupa untuk menjawab soalan dan memasukkan lebih banyak kandungan ke dalam hujahnya

Kesimpulan

1 Secara umum, kedua-dua calon gagal memberikan jawapan kepada soalan-soalan.

2 Banyak yang menganggap Jokowi lebih unggul dalam perdebatan ini. Namun adakah ini kerana prestasi Jokowi atau kegagalan Prabowo dalam memberikan jawapan yang memuaskan?

3 Perbezaan pandangan kedua-dua pihak dalam aspek hubungan antarabangsa mesti diambil kira oleh pemerhati di Malaysia dan negara-negara lain

*Disediakan oleh:
Muhammad Sinatra
Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia
5 April 2019*

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi: [sinatra\[at\]isis.org.my](mailto:sinatra[at]isis.org.my) - Gambar diperoleh daripada Google Image dan Majalah Tempo